

18/08/2002

Bunyamin: Perhubungan Pas tidak dihubungi polis

KOTA BHARU: Badan Perhubungan Pas Kelantan tidak pernah dihubungi polis negeri ini dalam usaha mengesan bekas Ahli Parlimen Bachok, Bunyamin Yaakob.

Penasihat Undang-Undang Pas Kelantan, Takiyuddin Hassan, berkata Pas negeri sedia bekerjasama dengan polis dalam membawa Bunyamin memberi keterangan berhubung dakwaan penceramah Pas itu, kononnya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, menonton video lucu bersama cucunya.

"Kita tidak faham kenapa polis kata Bunyamin melarikan diri kerana sebelum ini kita tidak pernah dengar polis mencari dia, malah kita mengesahkan pihak polis tidak menghubungi Badan Perhubungan Pas Kelantan untuk mencari Bunyamin.

"Begitupun, kita akan ikhtiarkan untuk mengesan Bunyamin dan mengaturkan pertemuannya dengan polis bagi memberi keterangan untuk membantu siasatan.

"Bunyamin ni penceramah dan kadang-kadang dia keluar sehingga seminggu kerana berceramah di seluruh negara, jadi mungkin dalam sehari dua ni. dia balik selepas mengetahui polis nak ambil kenyataan," katanya.

Beliau berkata demikian selepas merasmikan program 'Gotong-Royong Perdana Membersih Bandar Kota Bharu' sempena sambutan Bulan Kemerdekaan 2002 di Dataran Majlis Perbandaran Kota Bharu (MPKB) di sini, semalam.

Rabu lalu, Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Kelantan, Asisten Komisioner Ab Rahim Jani, berkata polis belum dapat mengesan Bunyamin untuk mengambil keterangannya berhubung kandungan ceramah beliau di Pusat Tarbiyah Islamiyah Kelantan (Putik), Pengkalan Chepa, pada 15 Mac lalu.